

Enam lagi Anjung Kasih YKN dibina

SH - 19/2/2020 m/s: 2

Putrajaya: Yayasan Kebajikan Nasional (YKN) akan menambah empat Anjung Kasih YKN yang dijangka siap tahun ini, manakala dua lagi pada 2021.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata ia sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan Anjung Kasih YKN 18 berbanding 12 sebelum ini.

Anjung Kasih YKN adalah tempat penginapan sementara golongan memerlukan, khususnya kurang berkemampuan yang mengiringi pesakit sedang menerima rawatan di hospital kerajaan.

Dr Wan Azizah berkata, empat Anjung Kasih YKN sedang dalam pembinaan ialah di Hospital Melaka; Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah; Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor dan Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang yang dijangka siap tahun ini.

“Pembinaan dua lagi Anjung Kasih YKN iaitu di Hospital Putrajaya dan Hospital Kota Kinabalu, Sabah akan dimulakan pada tahun ini dan dijangka siap pada 2021,” katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian dan Penyerahan Tajaan Kumpulan Sunway Bagi Penubuhan Sunway For Good Anjung Kasih YKN, Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Seri Dr Jeffrey Cheah; Timbalan Pengerusi Eksekutif, Kumpulan Sunway, Tan Sri Razman M



Dr Wan Azizah bersama Cheah (dua dari kanan) menyaksikan penyerahan tajaan pembinaan Anjung Kasih YKN oleh Razman (kanan) kepada Che Asmah di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Hashim; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Junaidah Kamaruddin dan Ketua Pegawai Eksekutif YKN, Datin Paduka Che Asmah Ibrahim.

Pada majlis itu, Kumpulan Sunway menaja RM1 juta bagi penubuhan Sunway For Good Anjung Kasih YKN Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Sejak 2006, sebanyak 12 Anjung Kasih YKN beroperasi di hospital kerajaan di seluruh negara yang memberi manfaat kepada 76,280 orang.

Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, pihaknya berbesar hati atas sumbangan diberikan Kumpulan Sunway Group dalam merealisasikan pembinaan Anjung Kasih YKN.

Beliau berkata, dua lagi syarikat korporat tampil menaja empat Anjung Kasih YKN bagi tempoh 2018 sehingga tahun ini.

Ditanya mengenai kejadian bayi meninggal dunia di Kuantan kerana tertinggal di dalam kereta selama lebih tiga jam, Dr Wan Azizah berkata, kementerianya

mahukan TASKA di tempat kerja untuk kanak-kanak di bawah usia empat tahun diperbanyakkan.

“Terlupa mungkin disebabkan tekanan kerja. Namun ini perkara yang boleh dielakkan dan perlu fikirkan cara bagi mengelakkan kejadian daripada berulang,” katanya.

Kelmarin, media melaporkan seorang bayi perempuan berusia sembilan bulan maut, dipercayai selepas bapanya terlupa mangsa berada di dalam kereta semasa keluar bekerja di Kompleks Tun Abdul Razak, Kuantan.